

HEBAHAN DALAMAN KENAIKAN PANGKAT (AKADEMIK)

Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan sukacitanya mempelawa kakitangan akademik yang berkelayakan, dinamik, kreatif dan inovatif untuk mengisi jawatan kenaikan pangkat seperti berikut:

- (1) **PROFESOR GRED KHAS C (VK7)**
- (2) **PROFESOR PERUBATAN GRED KHAS C (VK7)**
- (3) **PROFESOR MADYA GRED DS54**
- (4) **PROFESOR MADYA PERUBATAN GRED DU54**
- (5) **PROFESOR MADYA PERUBATAN (PAKAR) GRED DU56**
- (6) **PENSYARAH KANAN GRED DS52**
- (7) **GURU BAHASA GRED DG44/48**

KELAYAKAN UMUM KENAIKAN PANGKAT

- (i) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu memperolehi purata sekurang-kurangnya 80% dan ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (tidak termasuk tempoh cuti belajar);
- (iii) Diperaku oleh Ketua Jabatan;
- (iv) Berjawatan tetap; dan
- (v) Bebas dari tindakan tatatertib.

SYARAT KHUSUS KENAIKAN PANGKAT

A. PROFESOR GRED KHAS C (VK7) DAN PROFESOR PERUBATAN GRED KHAS C (VK7)

- (i) Memenuhi syarat kelayakan umum kenaikan pangkat; dan
- (ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **3 Tahun** sebagai Profesor Madya Gred DS53/54 atau Profesor Madya Perubatan Gred DU55/56 atau Pensyarah Perubatan Gred VK7 (Tanpa Gelaran Profesor); dan
- (iii) Membuktikan tahap prestasi yang cemerlang dalam dua kriteria utama seperti di bawah dalam bidang masing-masing, khususnya dalam tempoh sandangan jawatan Profesor Madya Gred DS53/54 atau Profesor Madya Perubatan (Pakar) Gred DU55/56 atau Pensyarah Perubatan Gred VK7 (Tanpa Gelaran Profesor).
 - a. **Pencapaian Akademik**
 - Pengajaran dan Penyeliaan;
 - Penyelidikan dan Penerbitan;
 - Persidangan;
 - Sanjungan serta Perundingan; dan
 - Kepimpinan Akademik termasuk kepimpinan dalam penyelidikan.

b. Khidmat Kepada Universiti

Calon telah memberi sumbangan bukan akademik secara signifikan dalam pengurusan dan pembangunan UMS. Sumbangan yang signifikan merujuk kepada khidmat bakti yang banyak dan berterusan. Khidmat masyarakat di luar universiti juga diambilkira dalam kriteria ini.

dan

- (iv) Mempunyai pengalaman berkaitan yang mendalam dalam bidang khusus berkenaan; dan
- (v) Mempunyai kualiti peribadi yang tinggi.

B. PROFESOR MADYA GRED DS54

- (i) Memenuhi syarat kelayakan umum kenaikan pangkat; dan
- (ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **3 Tahun** sebagai Pensyarah Kanan Gred DS 51/52 (*tidak termasuk tempoh cuti belajar selepas dilantik ke Pensyarah Kanan*); dan
- (iii) Membuktikan tahap prestasi yang cemerlang dalam dua kriteria utama seperti di bawah mengikut skop masing-masing, khususnya selepas kenaikan pangkat ke jawatan terdahulu.

a. Pencapaian Akademik

- Pengajaran dan Penyeliaan;
- Penyelidikan dan Penerbitan;
- Persidangan;
- Sanjungan serta Perundingan; dan
- Kepimpinan Akademik dan Perundingan

b. Khidmat Kepada Universiti

Calon telah memberi sumbangan bukan akademik secara signifikan dalam pengurusan dan pembangunan UMS. Sumbangan yang signifikan merujuk kepada khidmat bakti yang banyak dan berterusan. Khidmat masyarakat di luar universiti juga diambilkira dalam kriteria ini.

dan

- (iv) Mempunyai pengalaman berkaitan yang mendalam dalam bidang khusus berkenaan; dan
- (v) Mempunyai kualiti peribadi yang tinggi.

C. PROFESOR MADYA PERUBATAN GRED DU54

- (i) Memenuhi syarat kelayakan umum kenaikan pangkat; dan
- (ii) Telah berkhidmat **lebih daripada 9 Tahun** termasuk cuti belajar dan telah diperakukan sebagai **Pakar Perubatan** bagi calon yang berjawatan Pensyarah Kanan Perubatan Gred DU51; atau
- (iii) Telah berkhidmat **lebih daripada 12 tahun** termasuk cuti belajar bagi calon yang berjawatan Pensyarah Kanan Perubatan Gred DU51.
- (iv) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh pihak pengurusan universiti;

D. PROFESOR MADYA PERUBATAN PAKAR GRED DU56

- (i) Memenuhi syarat kelayakan umum kenaikan pangkat; dan
- (ii) Telah berkhidmat selama **5 Tahun** sebagai Profesor Madya Perubatan Gred DU53/54; dan
- (iii) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh pihak pengurusan universiti.

E. PENSYARAH KANAN GRED DS52

- (i) Memenuhi syarat kelayakan umum kenaikan pangkat; dan
- (ii) Mempunyai kelulusan peringkat Doktor Falsafah (PhD); dan
- (iii) Tidak mempunyai masalah etika akademik (rujuk Kod Etika Ahli Akademik UMS yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-58 pada 16 Januari 2014).
- (iv) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

F. GURU BAHASA GRED DG44/48

- (i) Memenuhi syarat kelayakan umum kenaikan pangkat; dan
- (ii) Syarat khusus;

KE GRED	DENGAN KELAYAKAN IJAZAH PERTAMA	DENGAN KELAYAKAN SARJANA	KRITERIA TAMBAHAN
DG41 KE DG44	5 tahun	Lantikan terus ke Gred DG44 dan perlu lulus temuduga	<ul style="list-style-type: none">• Aktif menyumbang kepada semua aktiviti Universiti; dan• Lulus temuduga

<p>DG44 KE DG48</p>	<p>5 tahun perkhidmatan di Gred DG44</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Aktif menyumbang kepada semua aktiviti Universiti; • Pernah mengikuti / menghadiri persidangan, membentang di peringkat Universiti atau kebangsaan; dan • Lulus temuduga.
<p>DG48 KE DG52</p>	<p>4 tahun perkhidmatan Di Gred DG48</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Aktif menyumbang kepada semua aktiviti Universiti; • Pernah mengikuti / menghadiri persidangan, membentang di peringkat Universiti atau kebangsaan; • Telah menghasilkan 1 penulisan akademik (jurnal, bab dalam buku, majalah popular / surat khabar); dan • Lulus temuduga.

Catatan:

- *Tempoh perkhidmatan yang diambilkira untuk tujuan kenaikan pangkat ialah tempoh selepas kakitangan **DILANTIK TETAP** sebagai Guru Bahasa DG41.*
- **Perkembangan Kerjaya Kakitangan:** Kakitangan digalakkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat PhD dan boleh dipertimbangkan ke jawatan Pensyarah setelah mempunyai PhD. Walaubagaimanapun, pertimbangan ini tertakluk kepada waran perjawatan dan keputusan Jawatankuasa Pemilih.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

1. Permohonan melalui talian <https://hronline.ums.edu.my> (Permohonan Kenaikan Pangkat) boleh dibuat bermula **pada 1 November 2019 (Jumaat)**. Sila gunakan ID pengguna dan kata laluan HR-Online untuk daftar masuk sistem ini. Mohon perhatian kepada semua kakitangan akademik yang ingin memohon agar menyemak dan mengemaskini data di dalam *CV-Online* sebelum menghantar permohonan untuk mengelakkan sebarang ketidaktepatan pada data.
2. Permohonan adalah dibuka sepanjang masa tertakluk kepada sebarang perubahan.
3. Sila sertakan sesalinan surat pengesahan tamat pengajian Doktor Falsafah (Ph.D) (bagi calon Pensyarah Kanan) dan Surat Pengesahan tamat pengajian Sarjana (bagi calon Guru Bahasa).

Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan urusetia kenaikan pangkat seperti berikut:

- 1. Urus Setia**
Encik Razmi Awang Osman
Penolong Pendaftar
Nombor Sambungan: 1106
Email: razmi_85@ums.edu.my

- 2. Urus Setia**
Puan Nurhanisah Binti Sinin
Pembantu Tadbir (P/O)
Nombor Sambungan: 1507
Email: neesa@ums.edu.my

- 3. Sistem CV Online:**
Encik Mohd Azwan Bin Alleh
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
Nombor Sambungan: 1720
emel: azwan@ums.edu.my

- 4. Sistem SMPPI:**
Puan Rozaidah Binti Mohd Yusop
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
Nombor Sambungan: 613011
emel: rozaidah@ums.edu.my

**Permohonan adalah dibuka sepanjang masa
tertakluk kepada sebarang perubahan**

“BERTEKAD CEMERLANG”